

Jangan ungkit sumbangan untuk raih undi: Samy Vellu

BH 27 MAY 2009

KUALA LUMPUR, Jumaat - Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, mengingatkan calon yang bertanding dalam pemilihan parti kali ini supaya tidak mengungkit sumbangan mereka kepada parti bagi meraih sokongan ahli.

Selain itu, beliau juga mahu supaya mereka tidak mengamalkan sikap memburukkan calon lain, hanya untuk meraih undi.

Katanya, tindakan itu hanya akan mencemarkan perpaduan serta kekuatan dalaman MIC selain merosakkan imej parti, sekali gus menggagalkan usaha menarik minat golongan muda menyertainya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan calon tertentu bahawa mereka banyak menyumbangkan wang dan tenaga untuk parti, tetapi tidak mendapat sokongan apabila tiba masa pemilihan.

"Saya juga tahu mengenai keburukan calon tertentu, termasuk yang berhubung dengan parti, tetapi saya tidak mahu mendedahkan perkara itu kerana ia hanya memburukkan keadaan.

"Pertandingan kali ini perlu dilakukan dalam suasana setiakawan dan tak perlu kita membuka pekung di dada semata-mata untuk menentukan pucuk pimpinan dan terus berdendam antara satu sama lain sehingga penggal ini berakhir.

"Justeru, saya berharap calon yang bertanding lebih mengutamakan kesinambungan keutuhan parti daripada kepentingan politik peribadi," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) parti, di sini hari ini.

Ini adalah mesyuarat terakhir bagi pucuk pimpinan

SENARAI CALON UNTUK PEMILIHAN MIC

PRESIDEN

Datuk Seri S Samy Vellu (menang tanpa bertanding)

TIMBALAN PRESIDEN

Datuk S Subramaniam (menang tanpa bertanding)

NAIB PRESIDEN

(3 JAWATAN)

1. S. Mahalingam
2. Dr Leela Rama
3. Tan Sri K S Nijhar
4. Datuk G Palanivel**
5. Datuk M Muthupalaniappan**
6. Datuk S Veerasingham

ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA PUSAT

(23 JAWATAN)

1. V Arumugam
2. P Thangaveloo
3. V Saravanan**
4. Datuk K S Balakrishnan . *
5. S S Rajagopal . *
6. KP Samy**
7. S Nadesan

8. Dr L Krishnan**
9. Datuk R Raghavan**
10. S Krishnasamy . *
11. K Munisamy . *
12. Dr K Rajapathy**
13. Dr Joe Fernandez**
14. Datuk G Rajoo**
15. P Subbaiyah
16. Datuk M Sellathevan**
17. Datuk C Krishnan**
18. Datuk M Sundram**
19. V S Balakrishnan
20. Datuk V K K Teagarajan
21. R Ganesan
22. S V S Palanivel
23. Srirani
24. Datuk M P Krishnan**
25. P Thirunavukkarasu
26. V Jegarasah
27. A Singgatore**
28. T Rajagopal
29. Chandrasekar Suppiah
30. M Davendran
31. M Veloo
32. Datuk K Sivalingam**
33. Datuk Dr T Marimuthu
34. P Gunaseelan

. * PENYANDANG

sedia ada dan sejumlah 1,494 perwakilan ke Perhimpunan Agung MIC ke-54 esok akan memilih tiga naib presiden serta 23 ahli CWC untuk menganggotai pucuk pimpinan tertinggi parti.

Samy Vellu dan timbalannya Datuk S Subramaniam menang tanpa bertanding apabila penamaan calon ditutup 6 Mei lalu, sekali gus mengekalkan jawatan masing-masing.

Sementara itu, limacalon akan bertanding bagi tiga kerusi naib presiden manakala 34 lagi akan bertanding dalam perebutan 23 jawatan anggota CWC, tidak termasuk sembilan anggota yang dilantik.

Pemilihan kali juga menjadi sejarah bagi MIC apabila buat pertama kali seorang calon wanita, Dr Leela Rama, yang juga bekas Ahli Parlimen Kapar dan ahli CWC selama dua penggal, bertanding bagi jawatan naib presiden.

Beliau dikatakan mampu memberi cabaran hebat kerana hampir 40 peratus daripada pengundi dalam perhimpunan yang akan dirasmikan esok oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah wanita.

Samy Vellu berkata, pelbagai isu kepentingan masyarakat India tempatan akan dibincangkan dalam perhimpunan esok, teruta-

ma mengenai kekurangan ekuiti korporat kaum India berbanding kaum Cina dan Bumiputra.

Selain itu, masalah lama seperti isu gaji bulanan serta perumahan pekerja ladang, gejala sosial, kemudahan tempat ibadat, pendidikan dan peluang masyarakat India dalam perusahan kecil dan sederhana akan dibincangkan.

Beliau juga berterima kasih kepada kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir bagi bantuan dalam penubuhan Institut Latihan NTS Arumugam Pillay di Pulau Pinang dan penubuhan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia di Kedah.